

Mahathir bidas sikap kerajaan-kerajaan negeri

Oleh
ZULKIFLEE BAKAR

CAMERON HIGHLANDS 11 Ogos — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad hari ini membidas sikap kerajaan-kerajaan negeri dan jabatan kerajaan yang membiarkan pokok-pokok dan bukit di kawasan mereka dirosakkan dengan sewenang-wenangnya untuk tujuan pembangunan.

Perdana Menteri juga menyifatkan tindakan setengah kerajaan negeri memberi lesen kepada pengusaha balak untuk menjalankan operasi mereka di kawasan bukit dan gunung sebagai tidak wajar.

Beliau berkata, perbuatan itu bukan saja menyebabkan pencemaran

alam sekitar malah membahayakan keselamatan orang lain kerana pengusaha balak menggunakan jalan yang sempit untuk laluan lori balak yang panjang dan besar.

Keadaan ini, katanya, boleh membahayakan kereta-kereta lain terutamanya bas pelancong.

Terjejas

Dr. Mahathir berkata demikian kepada pemberita selepas merasmikan Pesta Bunga di Cameron Highlands, di Tanah Rata, di sini dan mendengar taklimat mengenai Cameron Highlands yang dibacakan oleh Pejabat Daerah ini.

Perdana Menteri khawatir perbuatan merosakkan bukit dan gunung ini

jika dibiarkan akan menyebabkan kawasan tarikan pelancong terjejas.

"Saya khawatir jika bukit dipotong tak ada maknanya pergi ke bukit (untuk melancong), kita hendak menggunakan bukit sebagai daya penarik untuk pelancongan, tetapi kalau kita potong bukit sehingga tidak nampak bukit tidak ada maknalah," katanya.

Ditanya adakah beliau telah memberi arahan supaya perbuatan itu dihentikan, Perdana Menteri berkata, beliau telahpun beberapa kali memberi arahan tetapi ia tidak diendahkan oleh pihak berkenaan.

"Nampaknya seperti juga tempat lain, arahan ini tidak dipatuhi, tidak ada penguatkuasaan di sese-

tengah jabatan yang tidak ambil berat perkara ini," katanya.

Dr. Mahathir menegaskan, untuk mendirikan bangunan atau rumah di kawasan lereng bukit atau tepi bukit, ia tidak perlu memotong pokok.

Lereng

"Kalau kita hendak mendirikan bangunan di lereng atau tepi bukit, kita boleh menggunakan tiang yang panjang dan pendek, di kawasan rendah kita pasang tiang panjang tetapi cukup dalam manakala tempat yang tinggi boleh menggunakan tiang yang pendek," katanya.

Schubungan itu beliau berpendapat, bukit atau pokok di tempat yang hendak dibangunkan ti-

■ Lihat muka 2

Mahathir bidas sikap kerajaan-kerajaan negeri

dak perlu dipotong sehingga jadi tanah rata.

Pemaju yang hendak mendirikan bangunan di kawasan gunung atau bukit katanya, patut mencontohi konsep pembinaan chalet di Pangkor Laut dan Pulau Langkawi yang dibina tanpa menjejaskan alam sekitar atau memotong pokok.

"Seperti chalet yang dibina oleh Berjaya Group di Pulau Langkawi, mereka bukan saja tidak memotong pokok malah jalan ke chalet juga dibina mengikut kontor yang sedia ada.


"Malahan kalau kita perhatikan dari jauh atau menaiki helikopter tidak nampak chalet-chalet itu dan jalan kerana dilindungi oleh pokok-pokok," katanya.

Bagi mengatasi fenomena menebang pokok, daripada berterusan, Dr. Mahathir berkata, kerajaan telah pun memberi arahan kepada setiap pemaju supaya menandakan kawasan pokok di dalam peta di mana pembangunan hendak dijalankan.

"Mereka mesti menandakan tempat pokok dan saiz pokok kerana kita tidak perlu mendirikan bangunan berderet secara lurus tetapi boleh mengikut kontor serta di mana pokok itu ada. Dengan cara ini ia akan lebih cantik lagi.

"Ini tabiat... hendak buat rumah mesti lurus macam berek tak perlu kita buat macam itu," katanya.

Beliau memuji Kerajaan



MENTERI Besar Pahang, Khalil Yaakob menyerahkan pokok orkid yang dinamakan UMNO Malaysia kepada Dr. Mahathir di majlis perasmian Pesta Bunga di Tanah Rata, Cameron Highlands, pagi semalam

Negeri Pahang kerana membina bangunan dan jalan di Cameron Highlands tanpa merosakkan keindahan alam sekitar.

"Sebaliknya ada satu tempat peranginan di atas gunung banyak dipotong tanah hingga hodoh dan menyebabkan tidak ada orang pergi ke situ," tegasnya.

Dr. Mahathir menegaskan, jika sesebuah negeri itu mempunyai gunung tetapi hanya membiarkan ia dimusnahkan

adalah lebih baik jika gunung tersebut tidak ada.

Menyentuh mengenai lebuh raya dari Genting Highlands ke Bukit Fraser dan kemudiannya ke Cameron Highlands, Perdana Menteri berkata, lebuh raya itu istimewa kerana ia tidak akan melibatkan pemotongan pokok.

Lebuh raya itu katanya, akan dibina tanpa merosakkan iklim serta tumbuhan di sepanjang jalan.

"Konsep lebuh raya ini harganya mahal kerana kita tidak mahu membenarkan banyak pokok atau bukit dipotong, di mana ada curam kita hendak menggunakan jambatan atau terowong," katanya.

Tambahnya, kos pembinaan lebuh raya itu akan melenakan belanja lebih RMI bilion dan melibatkan pihak swasta, kerajaan negeri serta Kerajaan Pusat.